

# 1

## Perbicaraan / Pendengaran Kes Sivil dan Jenayah



(i) Semua perbicaraan / pendengaran kes sivil dan jenayah yang telah ditetapkan secara kehadiran fizikal di Mahkamah hendaklah ditangguhkan dan penetapan tarikh perbicaraan / pendengaran yang baharu akan dimaklumkan kemudian;



(ii) Bagi kes-kes sivil, pendengaran kes hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 Pengendalian Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia (AA KHN 1/2021). Bagi maksud ini, pengendalian prosiding melalui kaedah hibrid adalah tidak dibenarkan dan perenggan 6, 9 dan 14 AA KHN 1/2021 adalah tidak terpakai; dan



(iii) Bagi kes-kes sivil, pendengaran kes hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh berdasarkan Arahan Amalan Ketua Hakim Negara Bilangan 1 Tahun 2021 Pengendalian Kes Sivil Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh Bagi Mahkamah Di Seluruh Malaysia (AA KHN 1/2021). Bagi maksud ini, pengendalian prosiding melalui kaedah hibrid adalah tidak dibenarkan dan perenggan 6, 9 dan 14 AA KHN 1/2021 adalah tidak terpakai; dan



MYJudiciary



The Malaysian Judiciary



2

## Pemfailan Kes Sivil dan Jenayah



Pemfailan kes-kes sivil dan jenayah baharu / notis rayuan dan dokumen-dokumen akan dilaksanakan seperti biasa melalui sistem aplikasi Mahkamah;

3

## Pengurusan Kes Sivil dan Jenayah



Pengurusan kes sivil dan jenayah hendaklah dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh;



MYJudiciary



The Malaysian Judiciary

4

## **Pertuduhan Baharu, Permohonan Perintah Reman dan Permohonan Jenayah Pelbagai**



Semua pertuduhan baharu, permohonan perintah reman dan permohonan perintah jenayah pelbagai hendaklah dijalankan melalui kehadiran secara fizikal di Mahkamah;

5

## **Perakuan Segera / Permohonan Segera Bagi Kes-Kes Sivil dan Jenayah**



Pihak-pihak boleh memfailkan perakuan segera / permohonan segera bagi kes-kes sivil dan jenayah sekiranya perlu dan Mahkamah akan memberikan arahan lanjut kepada pihak-pihak berhubung dengan perkara tersebut; dan



MYJudiciary



The Malaysian Judiciary



6

## Permohonan Jenayah Yang Perlu Dijalankan Melalui Kehadiran Secara Fizikal Di Mahkamah Atasan



Bagi permohonan jenayah yang perlu dijalankan melalui kehadiran secara fizikal di Mahkamah Atasan atas sebab-sebab yang khas dan dalam keadaan tertentu (exceptional circumstances), Mahkamah akan menggunakan budi bicara dalam mempertimbangkan permohonan tersebut.

### Untuk makluman agensi kerajaan, peguam dan orang awam



Arahan ini mengatasi kesemua arahan terdahulu berhubung dengan operasi Mahkamah dalam tempoh kawalan pergerakan yang telah dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan melalui e-mel pada 17 Mac 2020, 26 Mac 2020 dan 24 April 2020; dan

arahan ini hendaklah terpakai sekiranya Kerajaan mengumumkan untuk melanjutkan pelaksanaan 'lockdown' ini dan tertakluk kepada apa-apa arahan baharu yang dikeluarkan.



Bagi sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi **Bahagian Komunikasi Korporat** di talian **03-88804051 / 03-88804607** atau [komunikasikorporat@kehakiman.gov.my](mailto:komunikasikorporat@kehakiman.gov.my)



MYJudiciary



The Malaysian Judiciary